

Semua Ketua Jabatan Negeri  
Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan  
Negeri Sembilan

Tuan,

#### IKLAN JAWATAN KOSONG DI PENTADBIRAN YAYASAN NEGERI SEMBILAN

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia, keutamaan diberi kepada Rakyat Negeri Sembilan Darul Khusus untuk memenuhi jawatan berikut:-

1. a) Jawatan : PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN  
SISWAZAH GRED DG41
- b) Klasifikasi : Perkhidmatan Pendidikan
- c) Kumpulan  
Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- d) Taraf Jawatan : Kontrak
- e) Jumlah Kekosongan : 1 (Satu)
- e) Gred/  
Jadual Gaji : Gred DG41  
P1T1 RM1695.85 - P1T27 RM4645.85  
P2T1 RM1790.47 - P2T22 RM4924.12  
P3T1 RM1889.27 - P3T22 RM5226.19
- f) Gaji Dan Elaun  
Sebulan ditawarkan : P1T1 RM1695.85  
ITKA : RM 300.00 sebulan  
ITP : RM 250.00 sebulan  
ESH : RM 200.00 sebulan
- g) Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - 1) warganegara Malaysia;
  - 2) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

- 3) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41:P1T4); atau
- iii) ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41:P1T5); atau
- iv) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41:P1T6); atau
- v) ijazah Sarjana Muda Senibina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41:P1T8); atau
- vi) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DG41:P1T10); bagi ijazah Sarjana Muda Perakaunan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan: P1T11; dan Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia : P1T12); dan

- 4) Keupujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

2. a) Jawatan : PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N17
- b) Klasifikasi : Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan
- c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
- d) Taraf Jawatan : Tetap
- e) Jumlah Kekosongan : 1 (Satu)
- e) Gred/  
Jadual Gaji : Gred N17  
P1T1 RM 820.38- P1T24 RM 2151.35  
P2T1 RM 871.81- P2T24 RM 2272.50  
P3T1 RM 924.75- P3T24 RM 2397.95
- f) Gaji Dan Elaun  
Sebulan ditawarkan : P1T1 RM 820.38  
ITKA : RM 115.00 sebulan  
ITP : RM 180.00 sebulan  
BSH : RM 200.00 sebulan
- g) Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- 1) warganegara Malaysia;
  - 2) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - 3) i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
  - (ii) Sijil Perancang Bandar dan Wilayah daripada UITM yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan ialah pada Gred N17:P1T6); atau

(iii) Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N17:P1T8); atau

(iv) Sijil dalam bidang kejuruteraan ukur tanah atau perancang bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N17:P1T9); dan

4) Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian lisan) pada Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer)

h) Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan : Pegawai yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Pembantu Tadbir Rendah, Operator Wayarles dan Pengawet adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Kenaikan pangkat secara lantikan kejawatan Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

a) i. Mempunyai kelayakan di perenggan 3 di atas atau:-

ii. Lulus peperiksaan khas dan;

b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

i. Tempoh Percubaan : Bagi jawatan Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

3. a) Jawatan : PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN GRED N17

b) Klasifikasi : Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan

c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan

d) Taraf Jawatan : Tetap

- e) Jumlah Kekosongan : 1 (Satu)
- f) Gred/  
Jadual Gaji : Gred N17  
P1T1 RM 820.38- P1T24 RM 2151.35  
P2T1 RM 871.81- P2T24 RM 2272.50  
P3T1 RM 924.75- P3T24 RM 2397.95
- g) Gaji Dan Elaun  
Sebulan ditawarkan : P1T1 RM 820.38  
ITKA : RM 115.00 sebulan  
ITP : RM 180.00 sebulan  
BSH : RM 200.00 sebulan
- h) Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- a) warganegara Malaysia;
  - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
  - d) Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian lisan ) pada Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer)
- i. Tempoh Percubaan : Bagi jawatan Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
4. a) Jawatan : **PEMBANTU TADBIR RENDAH GRED N11**
- b) Klasifikasi : Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan
- c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
- d) Taraf Jawatan : Tetap
- e) Jumlah Kekosongan : 1 (Satu)
- f) Gred/Jadual Gaji : Gred N11  
P1T1 RM709.59 - P1T22 RM1750.21  
P2T1 RM752.06 - P2T22 RM1839.98  
P3T1 RM796.16 - P3T22 RM1931.38

g) Gaji Dan Elaun  
Sebulan ditawarkan : P1T1 RM709.59  
ITKA : RM 95.00 sebulan  
ITP : RM180.00 sebulan  
ESH : RM200.00 sebulan

h) Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) warganegara Malaysia;
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) (i) berpelajaran di peringkat sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau  
ii) mempunyai kelayakan di perenggan c (i) di atas dan lulus ujian menaip seperti yang dinyatakan di perenggan j di bawah; atau  
iii) Penilaian Menengah Rendah / Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11:P1T2); atau  
iv) Penilaian Menengah Rendah / Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus ujian menaip seperti yang dinyatakan di perenggan j di bawah.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11:P1T2);

i) Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan, Atendan Haiwan, Bentara Parlimen, Pengawas Pemuliharaan, Penghantar Notis, Penyelamat dan Penyelia Jeti adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan c di atas; atau
  - ii) lulus Peperiksaan Khas; atau
  - iii) Lulus Peperiksaan Khas dan lulus ujian menaip seperti yang dinyatakan di perenggan j di bawah; dan
  - b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- j) Ujian Masuk :
- a) Calon di perenggan 1(c)(ii),(iv) dan 2 (a)(iii) dikehendaki mengambil satu ujian menaip dan lulus dengan mencapai kederasan paling rendah 35 p.s.m. daripada naskah bertulis yang jelas dan 30 p.s.m. daripada naskah bercetak atau bertaip. Kesilapan mestilah tidak melebihi 4%.
  - b) Calon yang memiliki Sijil Perdagangan Malaysia dengan mendapat kelulusan taip-menaip dalam kedua-dua fasa:-
    - i) Sijil Kecekapan; dan
    - ii) Sijil Ujian Laju pada peringkat pertengahan atau peringkat tinggi boleh dikecualikan daripada ujian menaip yang disyaratkan di perenggan j (a);
  - c) Calon yang memiliki Sijil Perdagangan Malaysia dengan kelulusan peringkat pertengahan adalah layak dilantik atas Gred N11:P1T4 dan peringkat tinggi atas Gred N11 : P1T6.
- k) Tempoh Percubaan : Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

#### CARA MEMOHON

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang YNS 01/2009** yang boleh didapati di **Pejabat Yayasan Negeri Sembilan, Tkt. 11, Bgn. Yayasan Negeri Sembilan, Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban** pada waktu pejabat dari 7.30 pagi hingga 5.30 petang secara percuma.
- b) Setiap satu permohonan jawatan hendaklah menggunakan satu Borang Permohonan sahaja.
- c) Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/ Pihak Berkuasa Tempatan/Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 21 Bab "A" - 1973 dan menyertakan bersama-sama dengan Kenyataan Perkhidmatan yang kemaskini dan bertaip beserta salinan Laporan Prestasi Tahun 2008.

- d) Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen yang diakui sah oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan 'A' sahaja
- e) Calon-calon yang pernah memohon jawatan-jawatan di atas juga perlu membuat permohonan semula.
- f) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- g) Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dialamatkan kepada:-

**Pengarah**  
**Yayasan Negeri Sembilan**  
Tkt. 11, Bgn. Yayasan Negeri Sembilan  
Jalan Yam Tuan  
70000 Seremban

- h) Tarikh tutup permohonan ialah pada **13 Julai 2009**. Permohonan yang lewat diterima dan tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**ZAKARIA BIN OTHMAN**  
B/P Pengarah

AM/nsy/perkhid/srt edaran jawatan kosong - YNS 200/003/2008/C